



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60
No. 14

14hb Julai 2016

TAMBAHAN
No. 1

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

No. 421.

(Seksyen 5)

KEBENARAN UNTUK MASUK MENGUKUR

Kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN),
Jabatan Ketua Menteri Melaka, Seri Negeri,
Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

Anda serta pengkhidmat-pengkhidmat dan pekerja-pekerja anda adalah dengan ini diberi kuasa, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2, untuk memasuki—

- (i) mana-mana tanah dalam kawasan yang tertakluk kepada suatu pemberitahuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah; atau
- (ii) apa-apa tanah dalam kawasan yang dijadualkan dalam pemberitahuan *Warta* No. 379 yang disiarkan pada 23 Jun 2016.

dan melakukan salah satu daripada yang berikut atau kesemuanya:

- (a) mengukur dan mengambil aras tanah itu;
- (b) menggali atau mengorek tanah bawah;
- (c) melakukan kesemua tindakan lain yang perlu bagi menentukan sama ada tanah itu sesuai dengan tujuan yang ianya hendak ambil;
- (d) menetapkan sempadan-sempadan tanah yang dicadangkan hendak diambil dan cadangan jenis kerja, jika ada, yang dicadang hendak dibuat di atas tanah itu;
- (e) menandakan aras, sempadan dan garisan itu dengan meletak tanda-tanda dan menggali parit-parit;

- (f) menebang, meruntuh dan membersihkan apa-apa tanaman yang sedia ada, papan atau hutan, jika oleh kesemuanya pengukuran itu tidak dapat disiapkan atau aras tanah itu dapat diambil, atau sempadan atau garis kerja itu tidak dapat ditandakan.

2. Anda dan juga mana-mana pengkhidmat atau pekerja anda tidak boleh memasuki mana-mana bangunan atau mana-mana halaman atau taman yang tertutup bersampingan dengan sesuatu rumah kediaman, melainkan jika pada telah terlebih dahulu mendapat kebenaran penduduknya dalam tiga hari notis secara bertulis mengenai cadangan anda untuk berbuat demikian.

Bertarikh 12 Julai 2016
[PTG(M)S/342/7/2/408 Jld. 2;
PTAG. 0403ACQ2016000007]

DATUK JA'APAR BIN WAHAB
*Pengarah Tanah dan Galian
Melaka*

No. 422.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Untuk tujuan Bangunan (Rumah Ibadat) dan Simpanan Jalan.

2. Sesuatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Jasin. Mukim—Ayer Panas.

| No. Lot Ukur | Hakmilik atau Pendudukan | Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Keluasan Lot | Anggaran Keluasan yang Diambil |
|-----------------|-----------------------------|--|-----------------|--------------------------------------|
| | GRN | | Hektar | Meter Persegi |
| 14713 | 54600 | The London Asiatic Rubber And Produce Co. Ltd. 1/1 bhg. | 9.608 | 2,023 |

Bertarikh 12 Julai 2016
[PTGM(S).PK.790/01/02/03/01-3;
PTJ. A1/01/659]

DATUK JA'APAR BIN WAHAB
*Pengarah Tanah dan Galian
Melaka*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA